

14/12/1998

Mahathir anggap Gore, Soros biadab, angkuh

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore dan spekulator mata wang antarabangsa, George Soros, sebagai biadab serta cuba membawa malapetaka kepada negara ini.

"Al Gore, Soros dan lain-lain, mereka ini memang biadab dan kita harus kata mereka biadab. Kita tidak minta dan kita tidak mahu nasihat mereka.

"Kita lebih tahu bagaimana memerintah negara kita. Empat ratus tahun kita di bawah penjajah, kemajuan Malaysia amat terhad. Empat puluh tahun kita memerintah negara kita, pembangunan kita beratus kali lebih besar daripada mereka.

"Justeru, mereka harus belajar daripada kita. Kita hidup dalam sebuah negara berbilang kaum, berbilang agama, berbilang budaya dan berbilang bahasa tetapi orang Islam di negara ini tahu bagaimana mengurus dan mentadbirkan negara ini supaya ia aman dan maju," katanya.

Berucap menggulung perbahasan usul tergepar Pergerakan Pemuda Umno di Perhimpunan Agung Khas parti itu hari ini, Perdana Menteri berkata Barat yang bercakap begitu pandai dan cuba mengajar orang lain tidak dapat menyelesaikan masalah dalam negara sendiri atau di sekeliling mereka.

"Bangsa ini janganlah pandai cuba mengajar kita. Kita tidak akan tunduk kepada mereka selagi Umno ini kukuh, bersatu padu dan ada budaya yang sesuai dengan kejayaan. Insyallah negara ini tidak akan dikuasai kuasa asing," katanya.

Dr Mahathir berkata, rakyat khususnya ahli Umno masih mempunyai masa dan peluang untuk melindungi negara daripada dijajah penjajah moden, dengan syarat mereka bersatu padu serta membentuk dasar untuk mempertahankannya.

Beliau mengingatkan rakyat supaya sedar mengenai bahaya yang sedang mereka hadapi dan jika tidak sama-sama berjaga-jaga atau berpecah belah, negara mungkin tidak dapat dipertahankan lagi daripada serangan asing.

"Hari ini kita terselamat tetapi entah berapa lama kita akan selamat jika sesama kita berpecah dan mungkin kepemimpinan negara kita akan terdiri daripada orang yang lebih sanggup menerima syarat-syarat orang asing ini.

"Hari ini kita tidak menerima tetapi kalau kita berpecah dan kalau kita tidak membentuk dasar yang boleh mempertahankan negara kita, kita juga akan dikuasai oleh mereka. Pada waktu itu agak terlalu lewat untuk kita berbuat apa-apa," katanya.

Menurut Dr Mahathir, atas kesedaran itulah perbahasan hari ini menjadi penting kepada Umno walaupun isinya tidak terlalu menjurus kepada bahaya ancaman kuasa asing, tetapi sekadar menyatakan kemarahan terhadap Gore dan Soros.

Secara sinis, Perdana Menteri bagaimanapun berkata, rakyat harus berterima kasih kepada Gore dan Soros kerana sikap angkuh kedua-duanya menyedarkan mereka.

"Mereka hendak menentukan nasib kita. Itu belum pun mereka menjajah kita. Apatah lagi kalau mereka sudah menjajah kita. Kita sudah lihat bagaimana kerajaan-kerajaan negara yang mereka kuasai ditukar oleh mereka melalui beberapa tindakan termasuk mencetuskan huru-hara, rusuhan dan sebagainya sehingga kerajaan jatuh.

"Ini juga boleh berlaku dalam negara kita jika kita tidak berjaga-jaga. Mereka telah membuat percubaan, mereka telah memberi sokongan kepada gerakan yang bertujuan menjatuhkan kerajaan dipilih rakyat.

"Ini adalah sesuatu usaha gila mereka. Kalau kita tidak berjaga-jaga

usaha itu mungkin akan berjaya. Saya yakin mereka tidak akan berhenti menjalankan usaha ini selagi kita tidak patuh kepada mereka dan saya harap Umno tidak akan tunduk kepada kuasa asing," katanya.

Beliau turut menegaskan, cara Barat mengamal dan mentakrifkan demokrasi tidak boleh diikuti kerana semua tindakan mereka hanya bertujuan menguntungkan mereka.

Menurutnya, walaupun suatu ketika dahulu mereka bercakap mengenai sosialisme dan ada rakyat Malaysia terbawa-bawa dengan ideologi itu, hari ini mereka mendokong kapitalisme.

Malah, sesiapa yang hendak menentanginya dianggap lapuk dan tidak tahu cara dan aliran moden.

"Kita tidak boleh terima kapitalisme yang dibawa oleh mereka. Bagi kita, kejayaan kita mestilah kepada sistem dan nilai yang ada pada kita kerana kita adalah umat yang beragama walaupun kita beri tempat kepada kegiatan untuk memperkayakan bangsa kita.

"Kita harus kutuk mereka yang cuba menakluk kita semula sama ada mereka kapitalis atau pemimpin politik. Tetapi pada masa yang sama kita tidak kutuk mereka dengan buta tuli dan penuh kemarahan sahaja. Kita kutuk mereka kerana mereka akan membawa malapetaka kepada kita," katanya.

Terdahulu, Dr Mahathir berkata, pindaan Perlembagaan Umno bertujuan memperbaiki dan menyesuaikan dengan keadaan semasa.

Dengan perlembagaan yang lebih baik, beliau yakin Umno dapat diselamatkan sekali gus mencapai tujuan serta matlamat parti.

(END)